

Mohamad Muzammil, "Pengaruh dan Pemikiran Muhammad Natsir (1908-1993)," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 75-120

## **PENGARUH DAN PEMIKIRAN MUHAMMAD NATSIR (1908-1993) DALAM PENDIDIKAN ISLAM ZAMAN KOLONIAL BELANDA DI INDONESIA**

**MUHAMMAD NATSIR'S (1908-1993) INFLUENCES AND THOUGHTS IN ISLAMIC EDUCATION DURING THE DUTCH COLONIAL PERIOD IN INDONESIA**

***Mohamad Muzammil Mohamad Noor***

School of Distance Education. Universiti Sains Malaysia.  
11800. Pulau Pinang. Malaysia.

Email: muzammil@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.3>

### **Abstract**

The article discusses Muhammad Natsir's thoughts on Islamic education which influenced his involvement in the struggles of nationalism and politics in Indonesia. Natsir was the leader of the largest Islamic political organisation in the Southeast Asian region of the Masyumi Party. This writing will perceive how the foundations of his education have influenced his thoughts and struggle to uphold modern religious knowledge and education to the Muslim community. The findings showed that his thoughts had influenced the Indonesian Muslim community on Islamic knowledge that was always challenged by the Dutch colonialists. In addition, Natsir's thoughts and struggles were expressed through his writings, his speeches, and the impact of what he had moulded by the establishment of his own religious school in Bandung, PENDIS. Through his writings, he emphasized the importance of modern education and Islamic knowledge to his colonised society. As a result of this writing, tracing the understanding of his thoughts and struggles in developing Indonesian society through Islamic education is feasible but inevitable from religious-

nationalism aspects of independence from the grasp of colonialists. This writing utilized a qualitative approach by conducting analysis through sources written by Natsir and several religious writers from Indonesia and Malaysia.

**Keywords:** Muhammad Natsir; Islamic education; Masyumi Party; Dutch colonial; nationalism.

### **Khulasah**

Artikel ini membincangkan tentang pemikiran Muhammad Natsir dalam pendidikan Islam sehingga mempengaruhi penglibatan beliau dalam perjuangan nasionalisme dan politik. Beliau merupakan seorang nasionalis, politikus dan pemikir Islam yang dikenali pada zaman penjajahan di Indonesia. Natsir adalah pemimpin organisasi politik Islam terbesar di rantau Asia Tenggara iaitu Parti Masyumi. Penulisan ini melihat bagaimana asas pendidikannya telah mempengaruhi pemikiran dan perjuangannya menegakkan ilmu agama dan pendidikan moden kepada masyarakat Islam. Dapatkan kajian ini memperlihatkan pemikiran beliau telah mempengaruhi masyarakat Islam Indonesia tentang ilmu-ilmu Islam yang sentiasa dicabar oleh pihak penjajah iaitu Belanda. Selain itu, turut ditonjolkan pemikiran dan perjuangan Natsir menerusi hasil tulisannya, pidatonya serta impaknya dalam membangunkan sebuah sekolah agama di Bandung, PENDIS. Melalui hasil karya penulisannya, beliau menekankan tentang kepentingan pendidikan moden dan ilmu Islam kepada masyarakat Indonesia yang dijajah. Hasil penulisan ini, dapat mengesani pemahaman pemikiran dan perjuangannya dalam membangunkan masyarakat Indonesia melalui pendidikan Islam tetapi tidak dapat lari dari aspek nasionalisme-agama demi membebaskan Indonesia dari cengkaman penjajah. Penulisan ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan iaitu sumber karya yang ditulis oleh

Natsir dan beberapa penulis agama dari Indonesia dan Malaysia.

**Kata kunci:** Muhammad Natsir; pendidikan Islam; Parti Masyumi; kolonial Belanda; nasionalisme.

## Pendahuluan

Muhammad Natsir adalah seorang pejuang bangsa Indonesia yang mempunyai semangat kebangsaan menentang penjajah Belanda. Beliau mempunyai pemikiran politik Islam dan perjuangan nasionalisme menegakkan sebuah negara Islam dengan memartabatkan undang-undang Islam serta corak pentadbiran keislaman selepas bebas merdeka daripada kuasa kolonial Belanda. Bagi mencapai matlamat tersebut, Natsir menggunakan medium parti politik sebagai satu cara untuk mencapai matlamatnya. Melalui Parti Masyumi (1949-1958), beliau memimpin sebuah parti politik Islam terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah keahliannya untuk menegakkan sebuah negara Islam di Indonesia.<sup>1</sup> Namun, yang menjadi halangan ialah sebagai sebuah negara yang baharu mencapai kemerdekaan pada 17 Ogos 1945, agak sukar untuk menerapkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan seterusnya menjunjung undang-undang Islam. Minda pegawai tadbir dan kerajaan yang baharu dibentuk selepas mencapai kemerdekaan masih ‘berkiblatkan’ penjajah. Oleh itu, Natsir menghadapi cabaran yang besar daripada pemimpin tertinggi kerajaan, Presiden Sukarno walaupun presiden tersebut juga adalah seorang nasionalis sekular yang anti Belanda dan langsung tidak bekerjasama dengan penjajah.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Untuk keterangan lanjut pengasasan dan kepimpinan Parti Masyumi, rujuk M. Syafi'i Anwar, *Negara dan Cendikiawan Muslimin Indonesia Orde Baru* (Jakarta: Lembaga Penelitian Pengembangan dan Pembangunan Ekonomi Sosial (LP3ES), 1993), 31.

<sup>2</sup> Walaupun Sukarno seorang nasionalis yang tidak bekerjasama dengan pihak Belanda, namun beliau tergolong dalam kumpulan pemimpin sekular yang terkesan daripada pendidikan Barat dan terpengaruh

Pemikiran Natsir dalam pendidikan Islam sehingga mempengaruhi penglibatan beliau dalam perjuangan nasionalisme dan politik banyak berpusat di Jawa Barat. Walaupun Natsir berpendidikan Belanda, tetapi beliau menerima asas pendidikan agama yang agak kukuh sejak awal kanak-kanak lagi dan seterusnya menerapkan ilmu keagamaan dalam kehidupan dan perjuangannya. Beliau yang merupakan segelintir nasionalis silam yang menerima pendidikan lengkap dan sempurna serta menyedari perlunya ilmu pengetahuan untuk kemajuan bangsa, tanah air dan agama.

Pendedahan pendidikan yang diterimanya telah menimbulkan minat membaca dan mendalami pelbagai ilmu. Secara tidak langsung, melalui ilmu tersebut berlaku percambahan idea-idea dan pemikiran Natsir terhadap kemajuan pendidikan bangsa. Natsir didedahkan dengan pendidikan sekular dan agama. Namun begitu, beliau mempunyai pemikiran dan perjuangan yang berpegang kepada prinsip bahawa pendidikan dan politik tidak boleh diletakkan secara berasingan dengan unsur-unsur Islam.

---

dengan golongan komunis Indonesia. Hal ini membezakan Sukarno dengan Natsir. Berbalik kepada halangan menegakkan sebuah negara Islam, Sukarno menentang sekeras-kerasnya untuk mewujudkan sebuah negara Islam sehingga mereka berdua sentiasa berdebat di antara satu sama lain di dalam dewan majlis perwakilan, parlimen mahupun di media massa. Sebenarnya Sukarno mulai rasa bimbang dengan pengaruh Parti Masyumi yang semakin kuat sehingga mendapat sambutan daripada masyarakat Islam Indonesia. Oleh itu, untuk menghalang pengaruh Natsir dan Parti Masyumi dan supaya kedudukannya tidak tergugat, beliau mengambil tindakan memenjarakan Natsir serta pemimpin Masyumi lain dengan alasan politik dan demi keselamatan serta mengambil langkah lebih drastik mengharamkan terus parti politik Islam itu pada tahun 1960 dengan kuasa yang ada padanya sebagai Presiden Berperlembagaan di Indonesia. Rujuk, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

Selain itu, beliau berhasrat memajukan masyarakat dengan pendidikan moden tanpa mengasingkan pendidikan Islam. Beliau menegaskan, Islam yang bercampur aduk dengan unsur bidaah boleh menyesat dan meruntuhkan masyarakat serta kekal dalam kemunduran. Oleh itu, Natsir menganggap bahawa kemajuan atau kemunduran masyarakat mempunyai kaitan dengan penerimaan asas pendidikan dan bagaimana mempergunakannya demi pembangunan insaniah.

### Riwayat Hidup Natsir (1908-1993)

Natsir dilahirkan pada 17 Julai 1908 di sebuah perkampungan Jembatan Berukir, Alahan Panjang, Propinsi Sumatera Barat.<sup>3</sup> Beliau adalah anak ketiga daripada empat adik beradik dalam sebuah keluarga yang sederhana taraf kehidupan. Ayahnya merupakan penduduk tempatan yang bernama Idris Sutan Saripado yang mengahwini gadis tempatan, Khadijah. Sutan Saripado bekerja sebagai ‘jurutulis *kontrolir*’ iaitu kakitangan rendah semasa pemerintahan Belanda.<sup>4</sup>

Natsir mengahwini seorang guru yang juga berasal dari Sumatera Barat dan berkhidmat di sekolah Belanda, Noer Nahar Marzuki berketurunan Minangkabau pada 20 Oktober 1934.<sup>5</sup> Noer Nahar berpendidikan dan berkelulusan sekolah aliran Belanda dan menerima latihan pendidikan prasekolah dan kanak-kanak. Beliau mengajar di sebuah prasekolah di Jawa Barat, tetapi kemudiannya menjadi pendidik di sekolah yang ditubuhkan oleh Natsir iaitu Pendidikan Islam (PENDIS) di Bandung. Mereka melangsungkan perkahwinan secara sederhana di sebuah surau di Jalan Rana, Bandung.

---

<sup>3</sup> Yaswirman (Editor), *Koleksi Surat-surat Persendirian M. Natsir: Penceritaan oleh M. Natsir sendiri* (Jakarta: tiada penerbit (t.p.), tiada tahun (t.t.)), 1.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga* (t.p., 17 Julai 1958).

Hasil perkongsian hidup, mereka dianugerah cahaya mata seramai enam orang iaitu, Siti Muchliesah, Abu Hanifah, Asma Faridah, Hasnah Faizah, Aisyah ‘tul Asriah, dan yang bongsu, Ahmad Fauzie. Natsir menghembus nafas terakhir pada 6 Februari 1993 di usia lebih 84 tahun akibat sakit jantung yang dikesan sejak tahun 1973 setelah diserang serangan jantung yang pertama.<sup>6</sup> Selain itu, beliau turut mempunyai masalah kesihatan iaitu paru-paru dan sakit tua. Beliau menghembus nafas terakhirnya di Rumah Sakit Dr. Cipto Mangunkusomo di Jakarta Pusat.

Sebagai seorang anak daripada keluarga yang sederhana tarafnya, Natsir telah didedahkan cara hidup berdikari. Ayahnya merupakan pegawai rendah yang bekerja dengan agensi Belanda, sentiasa berpindah randah menjalankan tugas sehingga ke Bali. Oleh kerana ditinggalkan berjauhan daripada ibu bapanya, beliau menumpang ayah saudaranya, Rahim yang menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan di kampung. Ayah saudaranya yang hidup dalam kesederhanaan telah memberi peluang kepada beliau membantunya bermula kecil-kecilan selepas waktu sekolah.

Selain membantu bermula, Natsir juga melakukan kerja-kerja harian seperti membersih warung perniagaan, mengemas rumah, mengangkat baldi air untuk kegunaan harian serta lain-lain yang berkaitan.<sup>7</sup> Apa yang menarik, sebelum beliau pergi ke sekolah, pada awal-awal pagi Natsir berlatih seni pertahanan diri iaitu persilatan dengan ayah saudaranya itu. Usaha gigihnya ini telah mematangkan beliau dalam mengharungi kehidupan dengan lebih mencabar serta bijak membuat keputusan sendiri.

Natsir yang biasa berdikari sejak awal remaja lagi telah membentuk keperibadiannya agar tidak

---

<sup>6</sup> Muzammil, *Pemikiran Politik Islam*, 13.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 18.

menyusahkan orang di sekelilingnya termasuklah ibu bapanya sendiri. Hal ini mungkin kerana keadaan kehidupan keluarganya yang dalam serba kesederhanaan. Berikutan itu, ketika Natsir berkeinginan mahu melanjutkan pelajarannya di sekolah menengah Belanda, Middlebare Uitgebred Lager Onderwijs (MULO), beliau tidak meluahkan perasaan keinginannya itu secara terang-terangan kepada ibu bapanya mahupun sanak saudaranya yang lain. Bagi beliau, jika meluahkan hasratnya itu pasti akan menyusahkan mereka mencari wang dan keperluan lain dalam persediaan pengajiannya itu.

Walau bagaimanapun, hasratnya itu disampaikan kepada guru-guru sekolah dan seterusnya guru beliau menyuntik semangat supaya belajar dengan tekun dalam merealisasikan cita-citanya. Setiap peperiksaan yang didudukinya, Natsir boleh dikatakan telah lulus dengan agak baik di sekolah Belanda untuk golongan bumiputera, Hollandsch-Inlandsche School (HIS) sehingga memudahkannya memperolehi biasiswa untuk memulakan pengajian di MULO pula.<sup>8</sup> Hal ini membuktikan bahawa Natsir mampu dan berkebolehan belajar untuk berjaya dengan usahanya sendiri, malah memberi kebanggaan kepada seisi keluarganya.

Sebagai seorang anak kampung yang terdidik dengan ilmu pengetahuan agama, adat dan kesopanan membuatkan Natsir menjadi patuh kepada arahan ibu bapa serta adat Minangkabau yang pastinya adalah 'Adat Perpatih'. Kasih sayang beliau terhadap kedua ibu bapanya yang kuat memberi kesan yang mendalam kepadanya. Setiap keputusan yang dilakukannya termasuk ketika mahu melanjut pelajarannya di Bandung, beliau perlu memohon restu daripada ibu bapanya terlebih dahulu. Selain ibu bapanya, beliau turut memohon doa restu dan kebenaran daripada ayah saudara dan ayah angkatnya, Pak Haji Musa. Menurutnya, "tanpa restu ayah

---

<sup>8</sup> Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (t.p., 17 Julai 1958).

bonda dan tanpa diiringi doa, nescaya akan menimbul pelbagai masalah dalam merencana sesuatu perkara".<sup>9</sup>

Natsir amat menghormati ibu bapanya yang telah membesar dan mendidiknya menjadi manusia yang berguna. Misalnya, setiap kali menyambut hari kebesaran Islam iaitu Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha, pada pagi raya beliau akan sujud memeluk kedua-dua belah kaki ibu ayahnya. Berbalik kepada patuhnya pada adat setempat iaitu adat Minangkabau, Natsir sanggup tidur di surau kampungnya kerana menurut adat tersebut, anak-anak muda perlu tidur di surau pada waktu malam dan berasingan dengan keluarga.<sup>10</sup> Menurut surat yang ditulis Natsir kepada anak-anaknya,

"Cuma tidur malam tidak dirumah tapi disurau dengan kawan-kawan Aba yang seumur. Diwaktu itu kalau berumur +- (lebih kurang) 8 tahun, ditertawakan oleh kawan kalau masih 'tidur dirumah ibu'. Begitu dahulu."<sup>11</sup>

### Nasionalis Anti Belanda

Natsir merupakan seorang pejuang Islam di dunia Islam. Sifatnya yang gemar berpersatuan disebabkan beliau hidup dalam masyarakat Islam yang lemah dalam pelbagai kehidupan terutama taraf sosial dankekangan ekonomi di Indonesia kesan penjajahan Belanda. Semasa beliau mula menuntut di MULO, Natsir berjinak-jinak dengan Serikat Pemuda Sumatera (*Jong Sumatranen Bond*) (JSB) dan Serikat Pemuda Islam (*Jong Islamieten Bond*) (JIB) yang kedua-dua kesatuan tersebut diketuai oleh Sanoesi Pane. Bagi Natsir, betapa peri pentingnya menganggotai sesuatu organisasi dalam masyarakat

---

<sup>9</sup> Ajip Rosidi, *M. Natsir Sebuah Biografi* (Jakarta: Girimukti, 1992), 154.

<sup>10</sup> Muzammil, *Pemikiran Politik Islam*, 19.

<sup>11</sup> Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (t.p., 17 Julai 1958).

supaya dapat mengenali dan membangunkan masyarakat sendiri serta berjuang untuk agama dan nusa.<sup>12</sup>

Menurut beliau lagi, apabila berpersatuan, seluruh pemuda Indonesia mampu mengeratkan silaturahim, berbincang tentang isu-isu semasa di samping belajar bersama-sama.<sup>13</sup> Timbulnya kesedaran beliau untuk berjuang dan berpersatuan apabila beliau menyedari ada segolongan pemuda Belanda yang belajar di MULO menghina bangsa Indonesia dengan ejekan '*Inlanders*',<sup>14</sup> yang bermaksud 'kaum bumiputera' yang seolah-olah membawa erti bangsa tidak bertamadun. Ejekan tersebut membuatkan beliau merasa terhina dan marah. Dalam masa yang sama juga, beliau turut memerhatikan seorang berketurunan Belanda yang tidak mempunyai kelulusan tinggi tetapi mendapat pekerjaan yang baik dan penduduk tempatan yang mempunyai peluang yang berpotensi dipinggirkan begitu sahaja.

Sementara itu, sebab lain beliau aktif dalam berpersatuan ialah kerana sifatnya yang gemar berdebat dalam sesuatu isu yang berkaitan politik, bangsa, tanah air dan agama Islam. Selepas beliau menamatkan pengajiannya, beliau sering memerhati tokoh-tokoh Islam tempatan yang berkebolehan berdebat serta melawan penjajah. Hasil pemerhatian tersebut menyebabkan beliau belajar cara berdebat dan menimbulkan minat yang mendalam untuk menjadi ahli debat yang berkebolehan dalam kalangan tokoh-tokoh Islam di Indonesia mahupun serantau.

Keupayaannya berdebat dapat dikesan semasa di bangku sekolah lagi dengan pendidikan yang diterima dan

---

<sup>12</sup> Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (t.p., 17 Julai 1958).

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (t.p., 18 Julai 1958). Bagi mengetahui ejekan tersebut, sila rujuk, HM Nasruddin Anshoriy Ch., '*Bangsa Inlander' Potret Kolonialisme di Bumi Nusantara*' (Yogyakarta: LKiS, 2008).

kegemarkannya membaca buku-buku berkaitan. Kesannya Natsir mampu berdebat tentang Islam dengan individu-individu yang sering memperlekehkan Islam dan juga yang kurang yakin tentang Islam. Antara individu yang selalu berpolemik dengan beliau ialah Sukarno yang mahu memisahkan agama dari pemerintahan negara.<sup>15</sup> Sebagai seorang sekular, Sukarno menyatakan bahawa soal agama adalah urusan dunia dan peribadi serta yakin tidak ada konsep negara Islam. Namun begitu, pendapat Sukarno ini disangkal sekeras-kerasnya oleh Natsir yang menyatakan Islam adalah 'satu ideologi' dan semasa zaman Rasulullah SAW di Mekah, baginda telah memberi model yang terbaik dengan Islam menjadi tunjang kepada pemerintahan.<sup>16</sup>

Natsir agak dikenali dalam kalangan muslimin Indonesia dan dunia Islam kerana sifat-sifat positif yang ada dalam dirinya. Setiap orang yang mendampinginya cukup menyenangi tingkah laku beliau. Malah semasa zaman awal remajanya, beliau pandai mengambil hati bapa saudaranya, Rahim semasa di Padang dan ayah angkatnya, Pak Haji Musa dengan membuat kerja-kerja rumah dan membelah kayu api.<sup>17</sup> Malah sifat terpuji beliau itu turut diakui oleh seorang ulama dan pemikir Islam dari tanah seberang, Hamka. Beliau tertarik dengan sifat dan sikap Natsir ketika pertama kali bertemu. Menurut Hamka:

“ Di waktu itu, saya bertemu dengan seorang pemuda sebaya saya, tetapi lebih tampan dari saya. Wajahnya tenang. Simpatik, selalu senyum dan berkaca mata. Tingginya sedang,

---

<sup>15</sup> Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga (t.p., 18 Julai 1958).

<sup>16</sup> Ahmad Suhelmi, *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler* (Jakarta: Darul Falah, 1999).

<sup>17</sup> Raja Juli Antoni ed., *ABA M Natsir Sebagai Cahaya Keluarga* (Jakarta: Yayasan Capita Selecta, t.t.), 113-195.

sikapnya lemah lembut. Apabila kita bicara dengan dia, butir-butir pembicaraan kita beliau perhatikan dengan seksama, kemudian bila beliau tak setuju, atau berlainan pendapat, beliau nyatakan komentarnya, nampaknya sambil lalu, tetapi dengan tidak kita sadari, komentarnya itu telah menyebabkan kita harus meninjau pendapat kita tadi dengan seksama.”<sup>18</sup>

Selanjutnya beliau menambahnya lagi;

"Natsir mendapat pendidikan lanjutan atas Sekolah Belanda, yaitu dari A.M.S. Bandung. Tetapi dalam hidupnya sehari-hari, hidup secara orang santrilah yang banyak tertonjol. Kalau berbicara di hadapan umum, tidaklah bersifat agitatif, menggeledek dan mengguntum. Tetapi dengarkanlah ucapannya itu dengan tenang. Kian lama kian mendalam dan tidak akan membosankan. Karena semua berisi dan terarah!"<sup>19</sup>

### Pengaruh Awal Pendidikan Natsir

Natsir berpeluang menerima pendidikan yang sempurna di tempat lahirnya dan di Jawa. Ibu bapanya yang mementingkan ilmu pendidikan sejak peringkat usia muda lagi telah memberi ruang untuknya menimba ilmu. Beliau tidak menyukai cara pembelajaran tradisional yang menggunakan kaedah penghafalan dalam ilmu yang

---

<sup>18</sup> Hamka, "M. Natsir dan Hamka: 47 Tahun Persahabatan II", *Panji Masyarakat*, no. 251 (XX), 15 Julai 1978/9 Sya'ban 1398, t.p., 17-23; Hamka, *Kenang-kenangan Hidup*, jil. 2 (Jakarta: Bulan Bintang, 1974).

<sup>19</sup> Yusuf Abdullah Puar ed., "Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan," dalam *Panitya Buku Peringatan Mohammad Natsir/Muhammad Roem 70 Tahun* (Jakarta Pusat: Pustaka Antara, 1978), 297.

diberikan.<sup>20</sup> Pendedahan Natsir dalam pendidikan agama Islam pada peringkat awal bersama-sama dengan pendidikan moden telah membuka lembaran baharu dalam hidupnya serta menambah minatnya mendalamai kepelbagaiannya ilmu. Sebab itulah beliau dikatakan seorang pelajar yang cerdik dan bijak serta minat mendalamai ilmu pengetahuan.

Minatnya dalam aktiviti pembacaan dan penulisan cukup terserlah bermula pada awal alam persekolahan sehingga beliau menamatkan zaman persekolahannya.<sup>21</sup> Malah, Natsir juga berkebolehan dalam perdebatan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan politik, penjajahan dan nasionalisme sehingga suatu ketika dalam kelas beliau pernah berdebat dengan seorang guru keturunan Belanda berkenaan isu diskriminasi yang dilakukan oleh pihak penjajah kepada bangsanya.<sup>22</sup>

Natsir menerima pendidikan agama pada peringkat asas dan meneruskan pendidikan menengah rendah dan menengah atas di beberapa sekolah anjuran pemerintah kolonial yang menggunakan sistem pendidikan Barat iaitu pendidikan sekular. Pendidikan formal beliau apabila mula menuntut di HIS iaitu pendidikan rendah dari tahun 1916 hingga 1923 di Solok, Sumatera Barat yang menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar tetapi mata pelajaran agama Islam tidak diajar.

Pendidikan keagamaan beliau hanya diperolehi di Madrasah Diniyyah selepas waktu belajar di HIS. Di sekolah agama tersebut, beliau mula mendalamai ilmu-ilmu dan asas agama Islam, pengajian al-Quran dan pengenalan

---

<sup>20</sup> Keterangan lanjut tentang pendidikan Natsir, rujuk Muzammil, *Pemikiran Politik Islam*, 31-37.

<sup>21</sup> Ajip Rosidi, *M. Natsir Sebuah Biografi* (Jakarta: Girimukti Pesaka, 1990), 20.

<sup>22</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga* (t.p.:17 Julai, 1958).

bahasa Arab daripada Ustaz Tuanku Mudo Amin.<sup>23</sup> Setelah itu, beliau terus berpeluang meneruskan pengajian menengahnya di MULO dalam tahun-tahun 1923-1927 dan *Algemene Middlebare School* (AMS) sehingga tahun 1930.<sup>24</sup> Walau bagaimanapun, beliau tidak meneruskan pengajiannya di peringkat tertiari di Jakarta dan Belanda kerana kesedaran beliau untuk membangunkan masyarakatnya dalam pendidikan supaya maju dan setanding dengan bangsa penjajah. Walau bagaimanapun, beliau berkemampuan memiliki pendidikan di peringkat diploma dalam perguruan sebagai asas untuk beliau menjadi pendidik dan mendirikan sebuah sekolah.<sup>25</sup>

Minatnya dalam pencarian ilmu agak menonjol apabila beliau mampu menguasai bahasa dunia selain bahasa daerah Indonesia dan bahasa Melayu. Bahasa-bahasa itu ialah bahasa Inggeris, Latin, Arab, Perancis dan semestinya bahasa Belanda yang menjadi bahasa pengantar dalam pendidikannya.<sup>26</sup> Penguasaan yang agak baik dalam semua bahasa itu telah memberi peluang kepadanya mempelajari, menelaah dan mendalami ilmu-ilmu dalam bahasa asing terutama bagi ilmu sejarah, politik, falsafah dan agama. Oleh sebab itu, Natsir mudah memperoleh maklumat dan peristiwa penting dari negara luar, di samping ilmu-ilmu baharu yang ditulis oleh Barat dan Dunia Arab. Misalnya, pendedahan yang Natsir terima itu memberi kesan yang positif kepada beliau bagi memperjuangkan isu-isu dan permasalahan rakyat yang merangkumi hal ehwal agama, kemasyarakatan, ekonomi, politik, nasionalisme dan pembangunan pendidikan serta penglibatannya dalam politik dan pemerintahan. Semua

<sup>23</sup> Gamal Abdul Nasir Zakaria. *Mohammad Natsir Pendidik Ummah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 28-29.

<sup>24</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga* (t.p.: 17 Julai, 1958; 18 Julai, 1958; 9 Ogos, 1958).

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Muzammil, *Pemikiran Politik Islam*, 34.

pendedahan itu diluahkan olehnya melalui penulisan di akhbar dan majalah.<sup>27</sup>

Natsir juga menerima pengaruh dan idea dalam bidang pemikiran keagamaan, politik, falsafah, pendidikan Islam dan pembaharuan dalam kehidupan daripada guru-guru agamanya dan memimpin masyarakat tempatan sejak menuntut di bangku sekolah sehingga beliau tamat pengajian lanjutannya.<sup>28</sup> Mereka adalah Ahmad Hassan (1887-1958), Haji Agus Salim (1884-1954), Sheikh Ahmad Surkati dan H.O.S. Tjokroaminoto, di samping membaca hasil tulisan Haji Abdul Karim Amrullah atau Hamka antaranya, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam, Sejarah Umat Islam dan Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Menurut Gamal, Natsir menjadi penyambung kepimpinan yang dibawa oleh Tjokroaminoto dan Haji Agus Salim.<sup>29</sup> Ahmad Hassan memberi peranan besar mempengaruhinya dalam bidang agama dan pendidikan kerana Ahmad Hassan adalah guru beliau serta memimpin sebuah pertubuhan, Persatuan Islam (PERSIS) yang giat dalam pengajian keagamaan.<sup>30</sup> Ahmad Hassan juga memberi dorongan dan bimbingan kepadanya dalam bidang penulisan dan banyak menghasilkan hasil karya dalam bidang keagamaan dan tafsir al-Quran dan al-

<sup>27</sup> Misalnya, "Bahasa asing sebagai alat pencerdasan. Pembuluh kebudayaan bagi Indonesia," *Pandji Islam*, November, 1940. t.p.; "Menuju Koordinasi Perguruan-perguruan Islam," *Pandji Islam*, Julai, 1938. t.p.; "Kalimat Hak Itu Lebih Tajam dari Pedang," *Suara Mesjid* 11, no. III (Yayasan Al-Hilal Ikatan Mesjid Indonesia (IKMI): 1975) ; dan, "Masjid Jama'ah Ukhwah." *Serial Khutbah Jum'at*, no. 42, Desember, 1984, t.p.

<sup>28</sup> A.W. Pratiknya, *Percakapan Antar Generasi: Pesan Perjuangan Seorang Bapa* (Jakarta: Dewan Dakwah Islam Indonesia, 1989).

<sup>29</sup> Pratiknya, *Percakapan Antar Generasi*, 30.

<sup>30</sup> Kamarudin Salleh dan Abdull Rahman Mahmood, "Syed Syeikh al-Hady (1867-1934) dan Ahmad Hasan (Bandung) (1887-1958): Analisis Pemikiran", (Seminar Sebumi 2008, 24-25 Jun 2008, Universitas Indonesia, Kampus Depok).

Hadis.<sup>31</sup> Pengaruh dan semangat yang diterima oleh Natsir daripada gurunya itu ialah semasa beliau merancang mengasaskan sebuah sekolah agama moden di Bandung iaitu PENDIS. Misanya, Haji Agus Salim dan Haji Ahmad Hassan, dua orang tokoh ini telah memberi ilham kepada Natsir dalam bidang politik, semangat kebangsaan, gerakan pembaharuan dan pembangunan masyarakat.<sup>32</sup>

Dalam beberapa tulisan Hamka turut membangkitkan semangat dan pengaruh serta memberi idea kepada pemikiran Natsir tentang perjuangan pendidikan Islam kepada anak bangsa Indonesia. Menurut Natsir lagi, tulisan-tulisan Hamka berkenaan pendidikan Islam dapat membentuk anak bangsa melalui ajaran Islam yang luhur seperti kenyataan Hamka, iaitu;

"Mulai saja majalah itu dibaca, timbullah dalam jiwa semangat yang terpendam yaitu semangat hendak turut berjuang dalam Islam. Artikel-artikel yang dimuat di dalamnya menggugah perasaan hati untuk bangun, bergerak, berjuang hidup dan mati dalam Islam."<sup>33</sup>

Oleh yang demikian, idea-idea Hamka dapat mempengaruhi falsafah Natsir tentang mengaplikasikan pemikiran, konsep dan idea pendidikan Islam dan duniawi dalam realiti kehidupan umat Islam.

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, 35.

<sup>32</sup> Keterangan lanjut tentang gerakan pembaharuan, rujuk, Burhanuddin Daya, *Gerakan Pembaharuan Pemikiran Islam: Kasus Sumatera Thawalib* (Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyakarta, 1990), 8-10; dan, Christine Dobbin, *Islamic Revivalism in a Changing Peasant Economy: Central Sumatera 1784-1847*. (London: Curzon Press, 1983), 117-192.

<sup>33</sup> Hamka, *Kenang-kenangan Hidup*. Jilid 2 (Jakarta: Bulan Bintang), 1974.

## Falsafah Pendidikan Islam

Natsir mempunyai cita-cita yang besar dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat tempatan sejak zaman mudanya iaitu sebelum beliau memasuki kancang politik hingga ke akhir hayatnya. Pada awal tahun 1930an, Natsir telah mula memperjuang dan meletakkan asas-asas pendidikan Islam seperti tauhid, pendidikan bersepadu yang menggabungkan ilmu agama dan ilmu dunia, konsep ilmu, bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan institusi pesantren atau sekolah pondok sebagai 'kubu pertahanan' masyarakat Islam di Jawa.<sup>34</sup> Antara lain, gagasan pemikiran Natsir tentang pendidikan Islam ialah pendidikan anak bangsa perlu diajar ajaran Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah serta bersifat integral, harmoni dan universal; proses pencarian ilmu perlu menguasai ilmu-ilmu bahasa lain supaya memudahkan berkomunikasi; dan, pendidikan Islam perlu berwawasan global serta mampu meningkatkan keupayaan manusia.<sup>35</sup>

Pada mulanya, gagasan pemikirannya agak lambat diterima masyarakat Islam Indonesia kerana ia melampaui dan menjangkaui seluruh umat Islam di negara itu. Idea pemikirannya itu lebih ke arah menggantikan sistem dan pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh penjajah Belanda. Seperti yang diketahui, pendidikan Barat yang berunsur sekular hanya menumpukan aspek intelektual tanpa mengutamakan aspek rohani dan keagamaan yang menjadi teras kehidupan seseorang. Melalui konsep pendidikan moden dan berteraskan keagamaan, Natsir beroptimis dapat melahirkan masyarakat Islam yang seimbang antara dunia dan akhirat serta mengangkat

---

<sup>34</sup> Gamal Abdul Nasir Haji Zakaria, "Pemikiran Mohammad Natsir Tentang Pendidikan", (Seminar Serantau Memperingati 100 Tahun Pahlawan Nasional Bapak Mohammad Natsir, 10 Januari 2009, Bangi), 5-8.

<sup>35</sup> H. Abuddin Nata, M.A., *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2005), 72.

ajaran agama sebagai landasan hidup melalui cita-citanya dalam pendidikan Islam.<sup>36</sup>

Usaha pemikiran dan idea tentang pendidikan Islam yang dipelopori oleh beliau itu adalah bagi menggantikan sistem dan bentuk pendidikan Barat sedia ada. Beliau menyadari dan memahami bahwa sistem pendidikan Barat hanya menumpukan dan mengutamakan aspek intelektual dan mengabaikan aspek rohani dan keimanan.<sup>37</sup> Jelas Natsir:

"Pendidikan dalam pokok (pondok) pesantren dan madrasah dapat menghasilkan orang-orang yang beriman dan berakhlak baik tapi buta terhadap perkembangan dunia. Sedangkan Islam mendorong kita mencapai kemajuan lahir dan batin, dunia dan akhirat. Pendidikan secara Barat yang diberikan oleh penjajahan Belanda, semata-mata mengisi otak saja. Jiwanya kosong."<sup>38</sup>

Oleh sebab itulah beliau mencadangkan agar sistem dan asas pendidikan Islam yang menekankan dan memberikan tumpuan kepada aspek intelektual, rohani dan keimanan yang akan melahirkan manusia yang seimbang serta menjunjung tinggi ajaran agama. Berikut dipaparkan dengan lebih jelas tentang asas, pendekatan serta tujuan akhir pendidikan Islam di Indonesia adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber pertama.

---

<sup>36</sup> M. Natsir, "Ideologi Pendidikan Islam", *Capita Selecta 1* (Jakarta Selatan & Jakarta: Yayasan Bulan Bintang & Media Da'wah, 2008), 79-90.

<sup>37</sup> Mohammad Natsir, "Tauhid Sebagai Dasar Didikan", *Pedoman Masyarakat* (t.p.: 1937); Gamal, "Pemikiran Mohammad Natsir", 4-5.

<sup>38</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga*. (t.p.: 15 September, 1958).

Jadual 1 <sup>39</sup> Model Pemikiran Pendidikan Mohammad Natsir		
Asas Pemikiran	Tujuan Asas	Hasil Pemikiran
i. Al-Quran dan al-Sunnah. ii. Tokoh Pendidikan Islam Klasik (Ibn Khaldūn dan al-Ghazālī).	i. Melahirkan masyarakat yang seimbang antara pendidikan rohani dengan jasmani.	i. Tauhid sebagai asas pendidikan. ii. Konsep ilmu iii. Kemerdekaan dan kebebasan berfikir, tradisi dan disiplin. iv. Bahasa Arab adalah bahasa ilmu. v. Kesinambungan Pesantren dan perubahan zaman.

Selain itu, pemikiran dan idea pendidikan beliau juga berasaskan kepada pemikiran Ibn Khaldūn dan al-Ghazālī. Melihat falsafah dan pemikiran Natsir tentang pendidikan serta ilmu pengetahuan, pandangan beliau mempunyai persamaan dengan kedua-dua tokoh tersebut. Pemikiran pendidikan yang mereka tonjolkan tidak dapat dipisahkan daripada tunjang pemikiran Islam yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Misalnya, pandangan al-Ghazālī dalam tulisannya, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* lebih menekankan keutamaan ilmu dalam pengajaran, menerusi pandangan beliau;

Kewujudan yang paling mulia di dunia adalah jenis manusia. Dan bagian yang paling mulia dari hakikat manusia ialah hatinya. Guru bekerja menyempurnakan hati, membesarlu, membersihkan, dan menuntunnya dekat kepada Allah s.w.t. maka di satu pihak mengajarkan ilmu adalah ibadah kepada Allah,

<sup>39</sup> Disesuaikan dari Gamal, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 19.

dan di pihak lain merupakan khilafah (jawatan khalifah) disisi Allah s.w.t. Kerana manusia sebagai khalifah Allah, lalu Allah menolong hati orang berilmu ('alim) terhadap ilmu yang merupakan salah satu sifat-sifatNya yang paling khusus. Ilmu juga laksana bendahari bagi jiwa benda yang disimpannya.<sup>40</sup>

Dalam karya agung Ibn Khaldūn menerusi *al-Muqaddimah*, manifestasi pemikiran beliau diilhamkan daripada al-Quran sebagai sumber utama dalam ajaran Islam. Idea dan falsafah pendidikan Natsir berkaitan hal ini menepati pemikiran Ibn Khaldūn iaitu mempelajari ilmu al-Quran, pelajar harus membaca dan mentafsir kitab itu bagi memahami isi kandungannya serta kaedah ini merupakan langkah pertama yang penting dalam menuntut ilmu. Berdasarkan keterangan beliau itu dapat dijelaskan seperti kenyataan-kenyataan berikut:

Ianya melibatkan banyak daya usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar. Untuk memahaminya banyak waktu yang digunakan, walaupun begitu, setelah bersusah payah, sifat-sifat kesarjanaan yang mungkin dicapai daripada buku-buku yang ringkas. ...kedua-duanya berguna untuk mendapat kebiasaan yang sempurna...usaha meringkaskan itu bermaksud menyenangkan para pelajar menghafal pengetahuan...<sup>41</sup>; dan,

“Sesuatu yang harus kita ketahui bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada para pelajar hanya akan dapat dirasakan berkesan

<sup>40</sup> Petikan dari, Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Juz 3 (Qahirah: Mu'assah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyr wa at-Tauzī', 1967), 13.

<sup>41</sup> Dipetik dan disesuaikan dari, Ibnu Khaldun, *Muqaddimah Ibnu Khaldun* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 762-763.

apabila ianya dilakukan secara beransur-ansur,  
sedikit demi sedikit"<sup>42</sup>

Natsir terpengaruh dengan pemikiran Ibn Khaldūn tentang konsep ilmu dan tauhid melalui pembacaan dan persidangan semasa berada di luar negara. Menurut beliau, Ibn Khaldūn membentuk ilmu pengetahuan melalui tiga kaedah iaitu menerusi ilmu lisan, ilmu *naqlī* dan ilmu *'aqlī*. Ilmu *naqlī* merupakan ilmu yang diambil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan melalui ilmu *'aqlī* pula ialah ilmu daripada akal manusia yang membentuk ilmu pengetahuan termasuk mantik, alam, tingkah laku manusia dan sifat ketuhanan.<sup>43</sup> Oleh hal demikian, berdasarkan pengaruh dua tokoh Islam tersebut, asas pendidikan Islam Natsir adalah untuk melahirkan masyarakat yang seimbang antara rohani dengan jasmani.

Menerusi pemikiran Hamka dalam ilmu tafsir, tasawuf, dakwah, sejarah Islam dan pendidikan turut menarik perhatian Natsir.<sup>44</sup> Hamka berpendapat bahawa dalam menuntut ilmu tidak dapat lari dari pengkajian dan pengajian al-Quran dan al-Sunnah kerana unsur-unsur ini adalah wajib untuk umat Islam aplikasikan dalam tuntutan ilmu dan kehidupan termasuk ekonomi, politik, sosial dan persekitaran. Hal ini mempunyai persamaan dengan pemikiran ilmu yang dikendong oleh Natsir iaitu dalam penyampaian ilmu harus bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah supaya mendekatkan masyarakat kepada kedua-dua sumber itu, selain keutamaan kepada ilmu tauhid. Oleh itu, dapat dikesani bahawa tujuan pemikiran mereka terhadap pendidikan adalah serupa iaitu mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

---

<sup>42</sup> *Ibid.*, 763.

<sup>43</sup> Rujuk perbincangan beliau tentang falsafah ilmu dalam, Ibnu Khaldun, *Muqoddimah Ibnu Khaldun* (*Suatu Pendahuluan*).

<sup>44</sup> Rujuk, Hamka, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1984).

## **Reformis dalam Pendidikan Islam**

Natsir merupakan seorang tokoh reformis dan intelektual Islam. Beliau mempunyai kesedaran yang tinggi dalam usaha memberi kefahaman dan pengamalan agama masyarakat Islam di Indonesia terutama dalam memperbaiki pendidikan anak bangsa dan kemajuan pelbagai ilmu dunia dan akhirat. Natsir cukup yakin bahawa dalam memajukan masyarakatnya hanya boleh dicapai apabila mereka mengetahui ajaran Islam itu dengan mudah serta mengamalkannya dengan lengkap tanpa bercampur aduk dengan unsur-unsur bidaah, iaitu perkara-perkara khurafat dan tahayul.<sup>45</sup> Oleh yang demikian, hanya melalui cara dakwah dan pendidikan sahajalah usahanya dapat dilakukan. Sumbangan Natsir terhadap pendidikan Islam di Indonesia sama pentingnya dengan sumbangannya dalam bidang-bidang lain seperti politik, pemerintahan dan pemikiran pembaharuan ini kerana bagi beliau, bidang dakwah dan pendidikan tidak dapat dipisahkan.

Semasa Natsir menjawat jawatan Perdana Menteri Indonesia (1950-1951), beliau telah mewajibkan pengajaran pendidikan agama di sekolah-sekolah kerajaan hingga ke peringkat universiti serta mata pelajaran lain seperti bahasa Inggeris, matematik dan sains diperkenalkan di madrasah serta pesantren. Falsafahnya adalah untuk menyatukan antara pendidikan agama dengan pendidikan umum. Baginya, dengan menyatupadukan pendidikan Islam dengan ilmu akademik lain akan terhapuslah dualisme pendidikan Islam dan "mula berkembang maju serta mempunyai ciri-ciri tersendiri yang mampu bersaing di tengah-tengah kepesatan dan kemajuan dunia".<sup>46</sup>

---

<sup>45</sup> Lihat keseluruhan buku ini, Tarmizi Tahir, *Pemikiran dan Perjuangan Pak Natsir* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1996).

<sup>46</sup> Lihat, *Republika*, Mac 18 Mac, 1997.

Sebagai seorang yang bercita-cita tinggi dan berpandangan jauh, Natsir berhasrat pendidikan agama Islam diletakkan di tempat yang sewajarnya dalam sistem pendidikan Indonesia supaya setanding dengan mata pelajaran lain. Tujuan Natsir ini agar anak bangsa Indonesia yang masih di bangku sekolah diserapkan ilmu-ilmu agama seperti diterima oleh penuntut di madrasah dan pesantren. Namun begitu, beliau tidak lupa juga untuk memperkembangkan sistem pendidikan agama berasaskan pelajaran akademik yang berasaskan pendidikan sains tulen, ilmu pertanian, matematik dan juga bahasa Inggeris. Natsir merasakan yang bahasa Inggeris sangat penting untuk dikuasai supaya umat Islam dapat dihubungkan dengan masyarakat dunia serta menaik taraf umat Islam Indonesia di peringkat antarabangsa.<sup>47</sup>

Menurut beliau, penuntut Islam perlu menguasai ilmu akhirat serta pelbagai aspek kehidupan sehari-hari sebagai bekalan dalam menghadapi perubahan dan kemajuan manusia.<sup>48</sup> Dalam setiap karyanya dan beberapa siri pidatonya dalam khalayak ramai, Natsir kerap kali membangkitkan kesedaran masyarakatnya akan keagungan dan kejayaan para ilmuan Islam lampau seperti Ibn Khaldūn dan al-Ghazālī serta menyedarkan anak bangsa supaya tidak merasa rendah diri dalam pencarian ilmu. Menurut Natsir lagi, kesedaran untuk berilmu perlu ada dalam diri bagi membuktikan bahawa semangat yang telah ditunjuk oleh para ilmuan terdahulu akan berterusan dan membuka ruang dengan lebih cerah.<sup>49</sup> Tambah beliau lagi;

"Bilakah kembalinya masa yang demikian wahai pendidik dan pemuda Islam dan mudah-mudahan menjadi ubat untuk menyembuhkan penyakit perasaan kecil yang melemahkan

---

<sup>47</sup> M. Natsir, "Bahasa Asing sebagai Alat Pencerdasan", 147-152.

<sup>48</sup> Gamal Nasir, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 18.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 20.

rohani kaum Muslimin pada zaman sekarang ini.”<sup>50</sup>

Dalam membicarakan isu pendidikan, tidak lengkap jika isu bahasa dan budaya tidak diberi perhatian kerana kesemua isu itu adalah berkaitan. Natsir yakin bahasa Indonesia mempunyai kedudukan yang setanding dengan bahasa yang dibawa oleh penjajah. Misalnya, Natsir seorang nasionalis yang berjiwa pendidik dan jiwanya amat tebal dalam memperjuangkan isu-isu bahasa terutama perjuangan bahasa ibundanya, bahasa Indonesia dalam sistem pendidikan Belanda. Sebagai sebuah wilayah dan bangsa yang dijajah, sewajarnyalah penjajah berusaha mengagungkan bahasanya sendiri seperti bahasa Belanda yang dibawa oleh penjajah Belanda. Sebagai contoh telah berlaku isu yang dibawa oleh seorang pegawai Belanda, Dr. G. Drewes ketika beliau berdebat dengan Natsir tentang ‘pengaruh kebudayaan Barat ke atas bahasa Indonesia’ dalam suatu majlis, di mana ia telah menyinggung perasaan masyarakat tempatan. Dalam pertemuan itu, Drewes mendakwa bahawa;

Hanya dengan mengetahui salah satu bahasa Eropah yang terutama sekali sudah tentu bahasa Belanda, masyarakat Bumiputera dicabang atasnya dapat mencapai kemajuan dan kemerdekaan fikiran...<sup>51</sup>

Seterusnya Natsir membidas dan mengecam kata-kata Drewes itu sekeras-kerasnya dalam tulisan beliau melalui sebuah majalah yang bertajuk, “Bahasa asing sebagai alat pencerdasan. Pembuluh kebudayaan bagi Indonesia”, iaitu;

Sebagai dasar bagi kecerdasan salah satu bangsa adalah bahasa Ibunya sendiri. Bahasa

---

<sup>50</sup> Rujuk, Mohammad Natsir, *Kebudayaan Islam dalam Perspektif Sejarah* (Jakarta: Girimukti Pusaka 1989).

<sup>51</sup> Lihat, Natsir, *Capita Selecta 1*, 147.

yang bersangkut-paut dan tak dapat diceraikan dari aliran berfikir. Bahasa dari salah satu bangsa, adalah tulang pinggung dari kebudayaannya. Mempertahankan bahasa sendiri berarti mempertahankan sifat-sifat dan kebudayaan sendiri.<sup>52</sup>

Beliau menyeru bangsanya sendiri memperjuangkan kedudukan bahasa Indonesia sebagai bahasa komunikasi utama, bahasa ilmu dan bahasa pentadbiran. Beliau juga menegaskan bahawa dalam memperjuangkan bahasa Indonesia secara tidak langsung turut 'mempertahankan dan memupuk kebudayaan Indonesia'.<sup>53</sup> Oleh itu, tulisan-tulisan beliau berupaya menangkis segala tuduhan Drewes yang memang sengaja mahu 'menjatuhkan imej' bahasa Indonesia dan merasa bangga yang bahasa Belanda lebih berupaya sebagai salah satu dari bahasa Eropah yang dapat mencapai kemajuan dan 'kemerdekaan fikiran'.<sup>54</sup>

Selain memperjuangkan bahasa Indonesia sebagai bahasa utama di sekolah, Natsir juga mahu bahasa Arab dipertingkatkan penggunaannya kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Quran yang sepatutnya dipelajari oleh anak bangsa. Beliau turut menginginkan bahasa Arab dan ilmu pengetahuan agama dimasukkan dalam silibus di sekolah kerajaan dan pendidikan swasta. Pengajaran bahasa itu sudah menembusi sistem pendidikan tradisional, namun tidak di sekolah-sekolah anjuran Belanda. Bagi beliau, dalam mendalami ilmu pengetahuan agama, penguasaan bahasa Arab perlu seiringan. Beliau menganggap adalah rugi bagi bakal guru dan anak murid

---

<sup>52</sup> Petikan dari, M. Natsir. "Bahasa asing sebagai alat pencerdasan. Pembuluh kebudayaan bagi Indonesia", Pandji Islam (t.p.: Nopember, 1940).

<sup>53</sup> Lihat, Natsir, *Capita Selecta 1*, 149.

<sup>54</sup> *Ibid.*

tidak mengetahui bahasa Arab, ilmu agama, rohani dan mengenal Allah dan boleh mengelak daripada kesesatan.<sup>55</sup>

Pada pandangan Natsir, dengan memasukkan mata pelajaran bahasa Arab, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan pandangan masyarakat tempatan dan penjajah yang memandang rendah pendidikan tradisional yang dianggap tidak teratur dan 'ketinggalan zaman'.<sup>56</sup> Bagi beliau, mempelajari bahasa Arab tidak semestinya mengagungkan bangsa Arab tetapi ia adalah bahasa al-Quran dan sebagai alat komunikasi dengan para ulama dunia dan dalam masa yang sama bahasa Inggeris tidak diketepikan. Oleh itu, kemahiran mendalami bahasa Arab merupakan salah satu kunci bagi mencapai ilmu pengetahuan dan kejayaan. Tambah Natsir lagi:

Bahasa Arab itu, bukanlah bahasa Agama semata-mata, bukan satu dialek, bukan bahasa salah satu propinsi. Akan tetapi, satu bahasa dunia, satu bahasa kebudayaan, satu bahasa pemangku kecerdasan, kunci dari bermacam pengetahuan dan kaya raya untuk mengutarakan sesuatu paham atau pengertian, dari yang mudah sampai kepada yang sesulit-sulitnya, dari yang bersifar *maddah* (konkrit) sampai kepada yang bersifat *ma'navi* (abstrak). Ya, malah lebih kaya dari bahasa Eropah yang mana juar.

Bahasa Arab selain dari pada satu-satunya bahasa pengikat, bahasa persatuan bagi kaum Muslimin, adalah juga satu bahasa kebudayaan yang utama, yang barangkali hanya sama kalau hendak dibandingkan, dengan bahasa Yunani

<sup>55</sup> Ajip Rosidi, *M. Natsir Sebuah Biografi 1* (Jakarta: PT Girimukti Pasaka, 1990), 207.

<sup>56</sup> Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan" (Tesis PhD. Universiti Malaya, 2011), 398.

dan Sangsekerta. Malah tulisan Yunani sudah kenyataan gagal dan berkurangan dalam menuliskan angka-angka sehingga ilmu hisap, ilmu hitung baharulah mendapat kemajuan setelah mengambil sistem angka-angka Arab sebagaimana yang kita pakai sekarang ini.

Bahasa Arab telah menjadi bahasa falsafah bagi filosof-filosof pengutarakan bermacam teori dan dalil-dalil hipotesa yang sulit rumit. Telah menjadi bahasa kesusasteraan untuk pelagukan kemasmulan dan kegirangan penyair dan ahli tasyaaf kepada Khaliknya, telah menjadi bahasa kaum ilmu alam dan ilmu-ilmu yang eksak untuk penyusun bermacam-macam dalil dan rumus-rumus yang sukar dan susah.<sup>57</sup>

Melalui isu yang serupa juga, Natsir turut mengecam dan mengkritik pihak penjajah dan ‘pengkhianat bangsa’ yang masih merasakan bahasa Belanda ‘lebih berkuasa’. Kecaman Natsir bahawa bahasa Belanda baharu digunakan kira-kira tiga puluh tahun sahaja selepas tanah air dijajah oleh pihak Belanda sedangkan bahasa Arab telah didedahkan selama ratusan tahun sejak agama Islam memasuki Indonesia dalam pendidikan tradisional sehingga “bahasa inilah yang telah masuk kedalam lingkungan bangsa dan dunia anak Indonesia yang telah menimbulkan sumber kecerdasan yang bertebaran dikepulauan kita ini”<sup>58</sup>

Implikasinya, jelas kelihatan penggunaan bahasa al-Quran itu meluas di seluruh Indonesia, meliputi Sumatera,

---

<sup>57</sup> Hujahan Natsir yang dipetik dari, Natsir, *Capita Selecta 1*, 151. Penulis mengekalkan petikan asli daripada catatan Natsir dalam bahasa Indonesia dalam bukunya, walaupun terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa.

<sup>58</sup> *Ibid.*

Riau, Sulawesi Selatan dan Jawa. Ajip Rosidi menggambarkan kenyataan Natsir, iaitu:

Jauh sebelum dibuka sekolah-sekolah yang mengajarkan huruf Latin dan bahasa Belanda, ada ribuan langgar (surau atau madrasah) dan pesantren yang mengajarkan huruf dan bahasa Arab kepada bangsa Indonesia. Hal itu akan segera nampak kalau kita masuk ke kampung-kampung atau desa-desa. Di sana akan tergambar betapa besar jasa bahasa Arab bagi kecerdasan bangsa kita. Dan pendidikan yang berlangsung secara spontan itu, tak sedikit pun memberatkan kas negeri, tanpa disuruh dan diperintahkan dari atas, melainkan atas kesadaran sendiri, karena agama Islam menganjurkan pemeluknya untuk belajar membaca dan mencari ilmu.<sup>59</sup>

Selanjutnya tambah Natsir lagi:

Dalam mencapai kecerdasan dan kemerdekaan berfikir, bahasa Arab bagi anak Indonesia adalah satu alat pencerdasan yang terlebih dulu, lebih ‘murah’ dan tidak kalah faedahnya dari bahasa asing yang lain itu! Dan bagi kaum Muslimin bahasa Arab itu merupakan pula bahasa Al-Qur'an yang tak mungkin ditukar dengan bahasa yang lain, karena merupakan bahasa kunci dari perbendaharaan ilmu dan pengertian Agama Islam. Besar kerugian dan kerusakan yang menimpa kita apabila bahasa ini kita abaikan dan kita kesampingkan!<sup>60</sup>

Kesedaran Natsir betapa pentingnya pendidikan untuk membangunkan masyarakat Islam Indonesia bermula semasa beliau menuntut di sekolah tajaan

---

<sup>59</sup> Lihat, Ajip Rosidi, *M. Natsir Sebuah Biografi 1*, 210.

<sup>60</sup> Petikan dari Natsir, *Capita Selecta 1*.

Belanda iaitu AMS di Bandung.<sup>61</sup> Setelah beliau lulus dalam tingkatan akhir di AMS, beliau ditawarkan melanjut pelajaran dalam bidang ekonomi dan undang-undang di sebuah universiti di Rotterdam, Belanda dan juga di Jakarta.<sup>62</sup> Walaupun demikian, beliau menolak kerana mula berminat dalam persoalan-persoalan keislaman dan pembangunan masyarakat. Selain itu, Natsir juga turut ditawarkan pekerjaan yang sempurna dengan gaji yang lumayan tetapi tetap ditolaknya dengan alasan yang serupa. Timbulnya kesedaran tersebut setelah beliau melihat kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Barat dan kemunduran yang dialami oleh umat Islam khususnya di Jawa. Jurang besar yang memisahkan kedua-dua bangsa Timur dan Barat ini adalah disebabkan pencapaian sistem pendidikan tradisional jauh terkebelakang.

Menurut Natsir, maju dan mundurnya sesebuah bangsa bergantung kepada pelajaran dan pendidikan yang diberikan kepada mereka. Beliau menambah, tidak ada suatu bangsa yang terbelakang menjadi maju, melainkan setelah menyediakan dan memperbaiki serta mempertingkatkan pendidikan anak-anak dan belia mereka.<sup>63</sup> Sebagai contoh, bangsa Jepun iaitu satu bangsa Timur yang telah menjadi negara yang utuh dalam bidang ekonomi dan ketenteraan, disebabkan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi yang diperolehi hanya melalui ilmu, mereka mampu menawan kuasa besar Barat di Asia Tenggara. Menurut beliau lagi, bangsa Jepun akan terus kekal dalam kegelapan dan ketinggalan sekiranya mereka tidak membuka pintu negara mereka untuk ilmuwan dan para cendekiawan negara lain, yang memberikan didikan dan ilmu pengetahuan kepada belia-belia mereka di

---

<sup>61</sup> Natsir, *Kebudayaan Islam dalam Perspektif Sejarah*, 38.

<sup>62</sup> Muzammil, *Pemikiran Politik Islam*, 35.

<sup>63</sup> Gamal, "Pemikiran Mohammad Natsir Tentang Pendidikan".

samping menghantar mereka ke luar negeri untuk menuntut ilmu.<sup>64</sup>

Justeru itu, Natsir turut merasa sedih dan hampa dengan keadaan masyarakat Indonesia yang rata-ratanya ketinggalan dalam pendidikan jika dibandingkan dengan kaum pendatang dan penjajah terutama bangsa Cina dan Belanda. Walau bagaimanapun, Natsir menyedari terjadinya fenomena itu adalah disebabkan masyarakat tempatan sendiri masih di dalam kemelut kemiskinan dan mundur dalam sektor ekonomi. Perkara ini memberi kesan kepada kadar kemiskinan makin bertambah dari masa ke semasa. Ia belum lagi menyentuh dasar pentadbiran pihak penjajah yang sentiasa meminggirkan pembangunan dan peningkatan taraf hidup masyarakat yang dijajah.

Mengikut perangkaan yang diperolehi oleh beliau sendiri, misalnya dalam bidang pendidikan pihak pemerintah Belanda menyediakan peruntukan yang secukupnya kepada golongan mereka sendiri iaitu sebanyak f1,000,000 (1 juta *gulden*) tetapi berlaku hal yang tidak seimbang kepada masyarakat Indonesia sendiri yang hanya menerima kira-kira f7,500 sahaja peruntukan setahun dalam pembangunan infrastruktur pendidikan.<sup>65</sup> Jumlah peruntukan yang agak kurang itu sukar untuk membiayai pelbagai perkara dalam sektor pendidikan sedangkan segala kekayaan yang dikaut oleh pihak penjajah adalah dari hasil titik peluh masyarakat tempatan.

Pandangan beliau ini mempunyai persamaan dengan pemikiran Hamka dalam isu yang sama. Menurut Hamka, dasar pemerintah perlu menyediakan perancangan pendidikan yang kondusif bagi menyediakan kurikulum pendidikan yang bersesuaian tanpa membelaangi unsur agama. Hal ini berlandaskan pandangan Hamka iaitu:

---

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Maklumat angka ini diperolehi dari Ajip, *M. Natsir Sebuah Biografi* 1, 215.

Masyarakat maupun negara semestinya melihat adat dan kebijakan pemerintahan sebagai sesuatu yang tidak kaku, serta menghargai setiap pendapat sebagai sebuah entitas yang beragam. Sikap yang demikian akan menumbuhkan dinamika berfikir kritis dan menghargai kemerdekaan yang dimiliki setiap orang, tanpa menyinggung kemerdekaan yang lainnya.<sup>66</sup>

Oleh yang demikian, mereka berkehendakkan pengajaran ilmu perlu berpandukan al-Quran dan al-Sunnah supaya dapat membentuk masyarakat yang berilmu dan seimbang antara duniawi dan akhirat.

Sehubungan itu, Natsir sentiasa mengingatkan kepada masyarakatnya sendiri, bahawa jika tidak mempedulikan pendidikan anak bangsa, mereka tetap tercincir terkebelakang sedangkan bangsa asing terus bergerak maju dengan giat dan pantas. Natsir menambah lagi:

Bahawa kemunduran dan kemajuan itu, tidak bergantung kepada ketimuran atau kebaratan, tidak bergantung kepada putih, kuning atau hitamnya warna kulit, tetapi bergantung kepada ada atau tidaknya sifat-sifat dan bibit-bibit kesanggupan dalam salah satu umat, yang menjadikan mereka layak atau tidaknya menduduki tempat yang mulia di atas dunia ini.<sup>67</sup>

Menurut beliau lagi, wujud atau tidaknya sifat dan kesanggupan tersebut mempunyai hubungan yang erat dengan didikan rohani dan jasmani yang mereka terima. Natsir menegaskan bahawa kemunduran masyarakat

---

<sup>66</sup> Hamka, *Lembaga Hidup* (Jakarta: Djajamurni, 1962), 190.

<sup>67</sup> Lihat pidato Natsir pada rapat umum Persatuan Islam di Bogor, bertarikh 17 Jun 1934, dalam, Natsir, *Capita Selecta I*, 80.

Indonesia dapat diatasi melalui pendidikan yang bersepadau, rohani dan jasmani yang seimbang dengan berpandukan pada ajaran agama.<sup>68</sup> Seterusnya, beliau menyeru anak-anak bangsa perlu diberi didikan yang sempurna dan dibekalkan dengan kemahiran yang sesuai dengan bakat dan potensi yang ada dalam diri mereka.

Semangat dan hasrat beliau ini menjadi semakin menonjol dan berkembang hasil perbincangan dan galakan daripada gurunya, Haji Ahmad Hassan. Melalui perbincangan mereka berdua, Natsir merumuskan terdapat golongan pelajar peribumi yang mengejek dan menentang Islam disebabkan pendidikan sekular mereka yang dibawa oleh penjajah Belanda. Semenjak kecil lagi mereka kurang diasuh dengan didikan agama dan pergaulan mereka agak kebaratan.<sup>69</sup>

Peringkat awal perjuangan Natsir dalam pendidikan kepada masyarakat Islam di Indonesia telah dibukukan dalam bahasa Belanda dan menjadi terkenal dalam kalangan pelajar tempatan yang berpendidikan sekular. Antara buku-buku yang ditulis oleh tokoh pembaharuan itu ialah:<sup>70</sup>

- a) *Het Islamietiesche Geloof*, 1931: membicarakan tentang hubungan keimanan dengan kemanusiaan;
- b) *Komt tot het Gebed*, 1932: diterjemahkan menjadi *Marilah Solat*;
- c) *Golden Regels uit den Quran*, 1932: membawa erti 'kalimah-kalimah emas' bersumberkan al-Quran; dan

---

<sup>68</sup> Gamal, "Pemikiran Mohammad Natsir Tentang Pendidikan", 5-6.

<sup>69</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga*, (t.p: t.t., 17 Julai, 1958; 18 Julai 1958; 9 Ogos, 1958; 15 September, 1958).

<sup>70</sup> Gamal, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 40; Yusuf Abdullah Puar, "Pendidikan dan Pengajaran Menjadi Pilihan", *70 Tahun Pak Natsir* (Jakarta: Media Dakwah, 1978), 27-28.

- d) *De Islamietische Vrouw en Haar Recht*, 1932: menyentuh tentang emansipasi wanita di sisi Islam.

Idea pendidikan yang diilhamkannya itu pernah mendapat perhatian daripada Sukarno semasa pemimpin nasionalis sekular itu berada dalam tahanan. Salah satu karyanya yang dipuji oleh Sukarno ialah *Marilah Solat* sehingga menggelarkan Natsir sebagai ‘mubaligh yang berkhalib’.<sup>71</sup>

Seperti yang telah dijelaskan, perjuangan awal Natsir selepas tamat persekolahan ialah menubuhkan sebuah sekolah dan menjadi guru. Tujuan utama beliau ialah mendidik anak bangsanya supaya maju dalam pendidikan, meningkatkan ilmu agama serta memupuk kesedaran kebangsaan tanah air. Melalui perjuangan Natsir dalam bidang pendidikan, beliau berhasrat mengorak langkah menjadi guru serta mendirikan sebuah institusi pendidikan yang sederhana besarnya dan agak berbeza dari sistem pendidikan yang ada di Jawa ketika itu. Hasratnya itu cukup bererti kerana mahu mengubah sistem pendidikan dan pengajaran yang lebih sempurna untuk anak-anak bangsa Indonesia beragama Islam.

Walaupun begitu, ia bukan bermaksud beliau mahu merendah-rendahkan taraf pendidikan tradisional di madrasah dan pesantren yang selama ini berkembang di Jawa dan Sumatera, tetapi pendidikan tradisional tersebut tidak mengembangkan minda anak-anak bangsa dalam ilmu-ilmu dunia. Menurutnya, ‘ilmu dunia dan akhirat’ perlu seimbang bagi menepati tuntutan Islam supaya tidak terbelakang mencapai kemajuan dalam kehidupan. Jelas Natsir lagi, ilmu akhirat dan dunia amat penting, misalnya pendidikan moden mengisi ilmu di fikiran; dan pendidikan agama pula berupaya mengisi santapan jiwa dan rohani

---

<sup>71</sup> M. Natsir, *Marilah Shalat* (Jakarta: Media Da’wah, 2005).

supaya dapat melahirkan umat Islam yang berakhlik mulia.<sup>72</sup>

### **Perancangan Pengurusan dan Kaedah Pendidikan**

Dalam perancangan beliau untuk menubuhkan sebuah sekolah swasta berdasarkan moden, Natsir mengambil langkah pertama berbincang dengan rakan seperjuangan termasuklah dengan gurunya, Haji Ahmad Hassan di Bandung. Ketika itu beliau terlibat dalam kegiatan pergerakan Islam melalui Persatuan Islam (PERSIS) yang dipimpin oleh Haji Ahmad Hassan sendiri sekitar tahun 1937-1932.<sup>73</sup>

Melalui hasil idea dan pandangan rakan-rakannya, beliau telah mendirikan sebuah sekolah Islam swasta yang mempunyai kurikulum yang bersesuaian dan mengikut kehendak semasa iaitu menggabungkan ilmu-ilmu moden dengan pendidikan Islam. Beliau berhasrat melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi dengan menjadi penganut Islam yang bertakwa dan beriman kepada Allah SWT serta mampu menguruskan hal ehwal keduniaan.<sup>74</sup>

Dalam persiapan Natsir untuk mendirikan sebuah sekolah, beliau dalam masa yang sama membuat persediaan menelaah ilmu-ilmu pendidikan seperti ilmu psikologi kanak-kanak, teori pendidikan yang dikemukakan oleh ahli falsafah pendidikan yang bersumberkan Belanda dan Islam serta memperlengkapkan dirinya mengikut kursus perguruan secara sambilan selama setahun pada tahun 1931 dan memperolehi *Lager Onderwijs* (Diploma Pendidikan).<sup>75</sup>

---

<sup>72</sup> Gamal, Pemikiran Mohammad Natsir Tentang Pendidikan.

<sup>73</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga* (t.p: t.t., 9 Ogos 1958). Lihat juga, Abuddin, *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*, 76.

<sup>74</sup> Bagi keterangan lanjut untuk perkara ini, lihat *Capita Selecta 1*, 79-90.

<sup>75</sup> Gamal, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 41.

Usaha Natsir tercapai apabila beliau menubuhkan sebuah institusi pendidikan swasta yang dikenali dengan PENDIS pada tahun 1932.<sup>76</sup> Pada fasa awal penubuhannya, PENDIS adalah sebuah sekolah di peringkat rendah. Aktiviti pembelajarannya bermula di sebelah petang iaitu dari pukul tiga petang sehingga pukul lima petang dengan memiliki lima orang pelajar sahaja di sebuah bangunan dengan kemudahan yang terhad.<sup>77</sup> Bangunan sekolah tersebut disewa di Jalan Pangeran Sumedang dan seterusnya mempunyai bangunannya sendiri di Jalan Lengkong di Bandung yang dihadiahkan oleh seorang dermawan tempatan, Haji Muhammad Yunus.<sup>78</sup> Sekolah yang diusahakan oleh Natsir mendapat sambutan yang baik oleh penduduk sekitar Bandung. Namun begitu, masih kurang tenaga pengajar yang berkelayakan kerana tidak sanggup menerima gaji yang kecil dan sekolah yang tiada kemudahan asas.

Walau bagaimanapun, kesusahan yang ditanggungi oleh Natsir tidak keseorangan apabila isterinya, Noer Nahar yang terlibat dalam pertubuhan *Jong Islamiten Bond* (JIB), membantu beliau membangunkan PENDIS.<sup>79</sup> Sokongan isteri serta rakan-rakan seperjuangannya yang lain menjadikan PENDIS agak dikenali di Jawa Barat terutama di sekitar Bandung. Sekolah ini terus berkembang seiring dengan pendidikan Islam dan pendidikan moden yang diperkenalkan oleh Natsir. Antara program yang diperkenalkan olehnya ialah pendidikan di peringkat awal kanak-kanak, pendidikan sekolah rendah, pendidikan sekolah menengah dan juga sebuah pusat

---

<sup>76</sup> Abuddin, *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan*, 76.

<sup>77</sup> Gamal, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 44; Yusuf, *70 Tahun Pak Natsir*, 29.

<sup>78</sup> *Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga* (t.p: t.t., 9 Ogos 1958).

<sup>79</sup> *Ibid.*

untuk melatih bakal guru yang dikenali dengan *Kweekschool*.<sup>80</sup>

Walaupun PENDIS agak menitik beratkan pelajaran agama dan akademik seperti yang terdapat di sekolah Belanda, tetapi pelajar-pelajarnya juga turut dilatih dalam kemahiran hidup terutama dalam aspek pertanian serta kelas muzik yang berunsur Islamik serta memperkenalkan budaya-budaya tempatan yang tidak menyimpang dari ajaran Islam.

Dalam perkembangan pendidikan swasta di Jawa dan Sumatera, Natsir agak gusar dengan sikap pihak Belanda yang tidak mempedulikan langsung fasiliti, kurikulum, pendidik dan anak-anak murid. Malah, pihak pemerintah Belanda pernah mengeluarkan perintah yang dikenali dengan '*wilde scholen-Ordonnantie*' (ordonansi sekolah-sekolah liar) yang bermaksud 'sekolah yang tidak berguna'.<sup>81</sup> Tuduhan seperti itu telah menimbulkan perasaan marah dan menyebabkan tentang daripada guru pendidikan swasta termasuklah Natsir sendiri. Sekolah yang diasaskan oleh Natsir ditubuhkan ketika berlakunya penentangan terhadap tuduhan tersebut.

Tuduhan pihak penjajah tersebut sebenarnya akibat perasaan bimbang mereka terhadap perkembangan pendidikan swasta yang agak memberangsangkan. Di seluruh Indonesia, terdapat kira-kira sekitar 2,000 hingga 2,500 buah sekolah swasta dengan anak murid seramai kira-kira 100,000 hingga 500,000 orang.<sup>82</sup> Namun begitu, Natsir yakin jumlah pusat pendidikan swasta yang ditubuhkan dan jumlah anak murid adalah lebih ramai daripada jangkaan tersebut.<sup>83</sup>

---

<sup>80</sup> Yusuf, *Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenang-kenangan*, 33.

<sup>81</sup> Lihat hujahan Natsir yang mengutarakan tajuk, Kedudukan Perguruan Partikelir dalam Masyarakat Kita, dalam M. Natsir, *Capita Selecta I*, 128 dan 130-132.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 131.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 127-135.

Sebagai tindakan menolak tuduhan penjajah Belanda itu, Natsir meluahkan perasaan gusarnya dalam beberapa buah bahan penerbitan. Menurutnya:

Dari tingkat satu usaha yang kurang dipercaya oleh bangsa sendiri, ejek-ejek oleh bangsa lain dan dicurigai oleh Pemerintah, perguruan partikelir (pendidikan swasta) rakyat telah sampai kepada satu derajat, di mana diakui jasa dan manfaatnya, dibenarkan hak berdirinya, diberikan haknya menerima bantuan dan sokongan untuk memperkuat susunan pekerjaan pencapai hasil yang lebih tinggi, selaku pembantu bagi Pemerintah sendiri dalam mengusahakan pengajaran untuk rakyat. Satu hasil yang cukup memuaskan sementara waktu, sekedar pengobatan hati kaum mujahidin sambil meneruskan perjuangan mereka!<sup>84</sup>

Namun begitu, Natsir menyedari terdapat kelemahan-kelemahan pendidikan swasta terutama yang memperjuangkan pendidikan agama. Tegas beliau, satu kelemahan yang dapat dikesan ialah, "tidak ada koordinasi di antara berbagai perguruan sama yang-sama berdasarkan Islam itu, sehingga sering terjadi kesulitan bagi anak-anak yang mengikuti orang tuanya pindah ke tempat lain."<sup>85</sup> Dalam penulisannya, beliau berpendapat situasi itu memerlukan kerjasama yang erat di antara sesama institusi pendidikan Islam dalam mengatasi masalah yang mereka hadapi.<sup>86</sup> Beliau menambah lagi pendapatnya:

---

<sup>84</sup> Lihat, M. Natsir, "Kedudukan Perguruan Partikelir dalam Masyarakat Kita" dalam Pedoman Masjarakat dan Pandji Islam (t.p: t.t., September, 1938).

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> M. Natsir, "Menuju Koordinasi Perguruan-perguruan Islam," dalam *Pandji Islam* (t.p: t.t., 1938)

...dan karena telah ada persamaan dalam soal dasar serta tujuan pendidikan dan perhubungan masyarakat dengan pendidikan, maka yang harus dipersamakan hanyalah dalam soal teknik dan susunan pelajaran saja. Dan ia tidak melihat adanya ranjau yang besar untuk menghambat usaha seperti itu.<sup>87</sup>

Dalam masa yang sama, beliau turut menegur para pentadbir pendidikan swasta yang walaupun mempunyai pelbagai jenis aliran pendidikan tertentu, tetapi perlu bersatu dan bekerjasama antara satu sama lain dalam mempertahankan prinsip dan dasar pendidikan yang selama dijajah sentiasa diperlekehkan oleh pihak penjajah. Lantaran itu, Natsir memberi hujahannya bagi mengukuhkan pandangannya itu, iaitu:

Kalau kita menoleh ke kanan dan ke kiri, akan kelihatannya dinegeri orang lain, seperti di Negeri Belanda umpamanya, bahwa sebagian besar dari perguruan mereka dipegang oleh swasta. Dari pelajaran rendah, menengah dan sampai kepada universitasnya. Didirikan oleh bermacam-macam golongan: Katolik, Protestan dengan bermacam-macam mazhabnya pula: *Doopsgezinden*, *Adventisten*, *Pinkstergemeente*, *Calvinisten* dan lain-lainnya. Masing-masing mempunyai "sifat khusus". Akan tetapi pandai dan mungkin mereka mempersatukan isi dan rencana pelajaran. Pandai dan mungkin mereka mengadakan pada saat-saatnya yang tertentu satu "*Algemeen Onderwijs Congres*" dengan

---

<sup>87</sup> *Ibid.*

tidak memandang mazhab agama dan partai politik.<sup>88</sup>

Oleh sebab itulah beliau berhasrat muah membentuk sebuah gagasan menggabungkan kesemua pendidikan swasta seluruh Indonesia sebagai Perikatan Perguruan-perguruan Muslimin Indonesia (PPERMUSI).<sup>89</sup> Walau bagaimanapun, cadangan yang cuba beliau lakukan itu tidak diendahkan langsung oleh institusi swasta lain dan akhirnya menemui kebuntuan.<sup>90</sup>

Jika diteliti secara mendalam, usahanya dalam perjuangan pendidikan agama di Indonesia bukanlah untuk memperoleh keuntungan mahupun pendapatan dalam pencarian nafkah dengan mendirikan sebuah sekolah agama swasta tetapi semuanya ini didorong niat positifnya dalam usaha membangunkan sebuah sistem pendidikan yang sempurna untuk anak bangsanya dan selari dengan ajaran Islam. Usaha kerasnya dalam membangunkan pendidikan Islam dan moden itu juga telah membuka mata penjajah Belanda bahawa bangsa Islam Indonesia mampu memajukan sistem pendidikan moden tanpa melupakan pendidikan berteraskan Islam.

Pihak penjajah mula sedar akan kegiatan yang dilakukan oleh Natsir tersebut dan mulai merasa bimbang kerana akan mencetuskan lagi bibit-bibit perjuangan kebangsaan dalam usaha untuk menghalau pemerintah Belanda dan membawa Indonesia ke arah kemerdekaan. Dalam perjuangan Natsir tersebut, beliau sentiasa dicemuh, dicerca, diejek dan berada dalam keadaan dicurigai oleh bangsa penjajah Eropah itu, mahupun golongan sekular Indonesia. Semangat kebangsaan Indonesia bertambah kuat lagi apabila Natsir menekankan

---

<sup>88</sup> Rujuk penulisan beliau dalam artikel, "Menuju Koordinasi Perguruan-perguruan Islam," dalam *Capita Selecta 1*, 119.

<sup>89</sup> *Ibid.*, 125.

<sup>90</sup> *Ibid.*, serta artikel Natsir yang bertajuk, "Kedudukan Perguruan Partikelir dalam Masyarakat Kita", *ibid.*, 127-135.

bangsa Indonesia perlu menguatkan penyatuan bangsa dan membencangkan penjajah dalam setiap kurikulum yang diajarkan di PENDIS.

Dalam setiap pengajarannya, beliau menyeru supaya ciri-ciri yang perlu ada pada *ummatan wasaṭa* (umat yang seimbang) yang menjadi panduan kepada umat Islam dan seperti mana yang telah dicontohi oleh Rasullullah SAW.<sup>91</sup> Kritikan beliau terhadap pihak pemerintahan Belanda tentang kesan penjajahan dan pendidikan sekular penjajah, adalah seperti berikut:

Salah satu usaha pemerintah kolonial Belanda yang juga merupakan tantangan adalah apa yang dikenal sebagai asimilasi atau se-Indonesianisasi, yaitu upaya untuk mengajak golongan elite Indonesia agar merasa dan menganggap sebagai orang Belanda yang sama-sama terkiblat ke Den Haag, sehingga terlepas dari pandangan hidupnya sebagai bangsa Indonesia yang memiliki budaya asli Indonesia. Murid-murid sekolah otaknya brillant dititipkan kepada keluarga Belanda atau keluarga yang beragama Kristen. Salah satu korbannya adalah Amir Syarifuddin yang lahir sebagai anak Islam, namun kemudian menjadi seorang Kristen Protestan.<sup>92</sup>

Namun, usaha Natsir memajukan sistem pendidikan tidak dapat diteruskan apabila meletusnya Perang Dunia Kedua. Dalam suasana perang tersebut, sekolah beliau terpaksa ditutup kerana dasar tentera Jepun yang menghalanginya. Walau bagaimanapun, usaha Natsir dalam membangunkan pendidikan Islam tidak terkubur begitu sahaja. Beliau membina sebuah pusat sosial umat

<sup>91</sup> Gamal, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*, 46.

<sup>92</sup> Dipetik dari M. Natsir, *Pendidikan Pengorbanan, Kepimpinan, Primordialisme dan Nostalgia*, cetakan 1 (Jakarta: Media Dakwah, 1957), 4.

Islam di Jakarta iaitu Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII) yang bertujuan sebagai pusat dakwah dan perkembangan pendidikan Islam selepas bersara dari kegiatan politik. Sekarang ini DDII telah menu buhkan sebuah pusat pendidikan tinggi yang diberi nama Sekolah Tinggi Ilmu-ilmu Dakwah M Natsir (STID M. Natsir).

### Rumusan

Natsir mempunyai aliran pemikiran dan perjuangan yang relevan dalam isu-isu pendidikan. Beliau berjuang untuk mengembangkan ilmu-ilmu agama dan dunia wi tanpa melupakan pengembangan syariat Islam. Isu utama ialah membuka ruang seluas-luasnya peluang pendidikan kepada anak bangsa di kedua-dua wilayah yang dibelenggui penjajah. Ruang tersebut termasuklah membina pusat pendidikan moden meliputi kurikulum dan kemudahan asas. Begitu juga, pemimpin ini turut berjuang dalam bentuk penulisan iaitu beliau banyak menghasilkan karya penulisan tentang pendidikan dan kepentingan ilmu Islam.

Oleh itu, adalah tidak menghairankan beliau berusaha menerapkan unsur-unsur agama dalam perjuangannya melalui pendidikan dan politik kerana pendedahan awalnya dalam asas pendidikan sekular dan agama. Malah Hamka melihat Natsir sebagai seorang yang berperanan dalam perjuangan menyaatukan kepelbagai an unsur nasional Indonesia kepada masyarakatnya.<sup>93</sup> Menurut beliau lagi, kekaguman falsafah pendidikan Natsir telah membuka fikiran masyarakat Indonesia terhadap pendidikan agama manakala aspek dunia wi perlu seiring dalam proses menuntut ilmu. Ia seperti kenyataannya, "Kebesarannya terletak pada nilai fikirannya dan fikirannya ini akan hidup dan menjalar terus. Saya merasa

---

<sup>93</sup> Lihat, Hamka, "M. Natsir dan Hamka: 47 Tahun Persahabatan II", *Panji Masyarakat*, 17-23.

berbahagia menjadi salah seorang sahabatnya di dalam lingkaran hidup yang saya tempuh sendiri.”<sup>94</sup>

Menerusi penulisan ini, dapat diketahui pemahaman, perjuangan dan pemikirannya dalam membangunkan masyarakat melalui dunia pendidikan tetapi tidak dapat lari dari aspek politik, nasionalisme dan agama. Pemikiran pendidikan yang diperjuangkan oleh Natsir adalah untuk mengembangkan ilmu agama dan duniawi tanpa melupakan pengembangan syariat Islam. Isu utama ialah membuka peluang pendidikan seluas-luasnya kepada anak bangsa di Indonesia. Sifat beliau yang gemar membaca buku-buku falsafah tokoh dunia Islam termasuk Ibn Khaldūn dan al-Ghazālī telah memberi idea kepada sumbangan pemikiran pendidikan Islam kepada beliau. Natsir menggunakan idea falsafah kedua-dua orang tokoh Islam itu dalam membangunkan sistem pendidikan Islam kepada masyarakat tempatan supaya bangsanya seimbang bagi menuntut ilmu duniawi dan akhirat. Di sinilah menonjolnya persamaan antara mereka dalam falsafah pendidikan Islam yang diperjuangkan oleh Natsir.

Perjuangan Natsir dalam mengembangkan lagi syiar dan pendidikan Islam serta melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan bangsa dan negara telah memberi manfaat yang besar dan berguna kepada masyarakat Islam sehingga digelar Pendidik Ummah oleh para sarjanawan Indonesia termasuk Gamal melalui bukunya, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*.<sup>95</sup> Di peringkat nasional, beliau telah diiktiraf sebagai ‘Pahlawan Nasional Indonesia’ pada November 2008 oleh Presiden Susilo Bambang Yudhoyono.<sup>96</sup>

---

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> Rujuk, Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*.

<sup>96</sup> Lihat, Keputusan Presiden Republik Indonesia, *Gelar “Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir”*, Nomor 041/TK/Tahun 2008, bertarikh 6 November 2008.

## Rujukan

- Abuddin Nata, M.A. *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2005.
- Ahmad Suhelmi. *Soekarno Versus Natsir: Kemenangan Barisan Megawati Reinkarnasi Nasionalis Sekuler*. Jakarta: Darul Falah, 1999.
- Ajip Rosidi. *M. Natsir Sebuah Biografi 1*. Jakarta: PT Girimukti Pasaka, 1990.
- Ajip Rosidi. *M.Natsir Sebuah Biografi*. Jakarta: Girimukti, 1992.
- Al-Ghazālī. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Juz 3. Qāhirah: Mu'assah al-Ḥalabī wa Syarikah li al-Nasyr wa at-Tawzī', 1967.
- Burhanuddin Daya. *Gerakan Pembaharuan Pemikiran Islam: Kasus Sumatera Thawalib*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyakarta, 1990.
- Dobbin, Christine. *Islamic Revivalism in a Changing Peasant Economy: Central Sumatera 1784-1847*. London: Curzon Press, 1983.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Gamal Abdul Nasir Haji Zakaria, "Pemikiran Mohammad Natsir Tentang Pendidikan, Seminar Serantau Memperingati 100 Tahun Pahlawan Nasional Bapak Mohammad Natsir), Bangi, 10 Januari 2009.
- Hamka. *Lembaga Hidup*. Jakarta: Djajamurni, 1962.
- Hamka. *Kenang-kenangan Hidup*, jil. 2. Jakarta: Bulan Bintang, 1974.
- Hamka, "M. Natsir dan Hamka: 47 Tahun Persahabatan II" dalam *Panji Masyarakat*, No. 251, tahun XX. t.p, 15 Julai 1978/ 9 Sya'ban 1398.
- Hamka. *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1984.
- Ibnu Khaldun, *Muqoddimah Ibnu Khaldun (Suatu Pendahuluan)*. Jakarta: Faizan, 1982.

Mohamad Muzammil, "Pengaruh dan Pemikiran Muhammad Natsir (1908-1993)," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 75-120

- Ibnu Khaldun, *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Kamarudin Salleh dan Abdull Rahman Mahmood, "Syed Syeikh al-Hady (1867-1934) dan Ahmad Hasan (Bandung) (1887-1958): Analisis Pemikiran", Seminar Sebumi, 24-25 Jun 2008, Universitas Indonesia, Kampus Depok.
- Keputusan Presiden Republik Indonesia, *Gelar "Pahlawan Nasional Kepada Muhammad Natsir"*, Nomor 041/TK/Tahun 2008, 6 November 2008.
- M. Natsir, "Nopember. Bahasa Asing Sebagai Alat Pencerdasan. Pembuluh Kebudayaan Bagi Indonesia", *Pandji Islam*. t.p., 1940.
- M. Natsir. *Marilah Shalat*. Jakarta: Media Da'wah, 2005.
- M. Natsir. *Capita Selecta 1*. Jakarta Selatan dan Jakarta Pusat: Yayasan Bulan Bintang Abadi dan Media Da'wah, 2008.
- M. Natsir, "Kedudukan Perguruan Partikelir dalam Masyarakat Kita," *Pedoman Masjarakat*. t.p., 1938.
- M. Natsir, "Menuju Koordinasi Perguruan-perguruan Islam," *Pandji Islam*. t.p., Julai, 1938.
- M. Natsir, "September. Kedudukan Perguruan Partikelir dalam Masyarakat Kita", *Pandji Islam*. t.p., 1938.
- M. Natsir. *Pendidikan Pengorbanan, Kepimpinan, Primordialisme dan Nostalgia*. Cetakan 1. Jakarta: Media Dakwah, 1957.
- M. Syafi'i Anwar. *Negara dan Cendikiawan Muslimin Indonesia Orde Baru*. Jakarta: Lembaga Penelitian Pengembangan dan Pembangunan Ekonomi Sosial (LP3ES), 1993.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. "Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan". Tesis PhD., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya, 2011.

- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Mohammad Natsir, "Tauhid Sebagai Dasar Didikan", *Pedoman Masyarakat.* t.p., 1937.
- Mohammad Natsir. *Kebudayaan Islam dalam Perspektif Sejarah.* Jakarta: Girimukti Pusaka, 1989.
- Nasruddin Anshoriy Ch., HM. 'Bangsa Inlander' Potret Kolonialisme di Bumi Nusantara. Yogyakarta: LKiS, 2008.
- Pratiknya, A.W. *Percakapan Antar Generasi: Pesan Perjuangan Seorang Bapa.* Jakarta: Dewan Dakwah Islam Indonesia, 1989.
- Raja Juli Antoni (Penyunting). *ABA M Natsir Sebagai Cahaya Keluarga.* Jakarta: Yayasan Capita Selecta, t.t. Republika. t.p., 18 Mac, 1997.
- Serial *Khutbah Jum'at.* t.p., No. 42. Rabi'ul Awal, 1405H/Desember, 1984M.
- Suara Mesjid.* No. 11 Thn. III. Jakarta: Yayasan Al-Hilal Ikatan Mesjid Indonesia (IKMI), Rajab, 1395H/1975M.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. t.p., 17 Julai, 1958.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. t.p., 18 Julai, 1958.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. t.p., 9 Ogos, 1958.
- Surat Aba M. Natsir Kepada Keluarga. t.p., 15 September, 1958.
- Tarmizi Tahir. *Pemikiran dan Perjuangan Pak Natsir.* Jakarta: Pustaka Firdaus, 1996.
- Yaswirman (ed.). *Koleksi Surat-surat Persendirian M. Natsir: Penceritaan oleh M. Natsir sendiri.* Jakarta: t.p, t.t.
- Yusuf Abdullah Puar. *70 Tahun Pak Natsir.* Jakarta: Media Dakwah, 1978.
- Yusuf Abdullah Puar (ed.) *Muhammad Natsir: 70 Tahun Kenang-kenangan Kehidupan dan Perjuangan.* Panitya

Mohamad Muzammil, "Pengaruh dan Pemikiran Muhammad Natsir (1908-1993)," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 75-120

Buku Peringatan Mohammad Natsir/Mohammad Roem 70 Tahun. Jakarta Pusat: Pustaka Antara, 1978.

Mohamad Muzammil, "Pengaruh dan Pemikiran Muhammad Natsir (1908-1993)," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 75-120